



*Sambutan*  
**TAHUN  
PENTADBIRAN  
KERAJAAN  
SELANGOR**  
muka  
5-12

Wawancara Khas  
bersama  
Menteri Besar  
muka 6&7

Henti berpolitik,  
tumpu jaga  
keselamatan rakyat  
muka 4

Yayasan Selangor  
cemerlang di bawah  
Pakatan Rakyat  
muka 3



Gambar oleh Rahman, Sekretariat Akhbar Menteri Besar

## Tubuh tabung wira rakyat Selangor RM10 juta

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menubuhkan Tabung Wira Rakyat Selangor berjumlah RM10 juta bagi membantu ahli keluarga anggota keselamatan yang terkorban semasa mempertahankan negara.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri dalam pada masa yang sama memberikan bantuan berjumlah RM20,000 kepada setiap keluarga anggota yang terkorban dalam insiden pencerobohan di Sabah.

"Tabung ini diharapkan dapat membantu keluarga mangsa daripada segi pendidikan, kebajikan, kesihatan dan beberapa pertolongan yang boleh diberikan dari masa ke semasa," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Ujar Abdul Khalid, pemberian bantuan berjumlah RM20,000 itu akan diberikan kepada keluarga mangsa secepat mungkin.

"Walaupun wang ringgit tidak boleh menggantikan nyawa mereka yang terkorban, namun bantuan kewangan ini diharapkan dapat meringankan bebanan keluarga, khususnya anak-anak yang masih bersekolah," kata beliau.

Tambah Abdul Khalid, Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan padu kepada pasukan keselamatan dalam menangani isu pencerobohan di Sabah itu.

**Tabung ini diharapkan dapat membantu keluarga mangsa daripada segi pendidikan, kebajikan, kesihatan dan beberapa pertolongan yang boleh diberikan dari masa ke semasa**

**- TAN SRI ABDUL KHALID IBRAHIM**

**TAKZIAH...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi penghormatan terakhir kepada jenazah dua anggota komando polis VAT-69, Inspektor Zulkifli Mamat dan Koperal Sabaruddin Daud, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

# Saham air untuk rakyat

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Lebih lima juta rakyat Selangor bakal mendapat saham air sekiranya Kerajaan Negeri berjaya mengambil alih pengurusan industri air di negeri itu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sekiranya empat syarikat konsesi terbabit bersetuju dengan tawaran sebanyak RM9.65 bilion itu, Kerajaan Negeri boleh

menerbitkan seunit saham bagi setiap rakyat Selangor.

**Rakyat Selangor populasinya seramai lebih lima juta. Kita tawar RM9.65 bilion, jika saham RM2,000 kali dengan lima juta jumlahnya RM10 bilion.**

populasinya seramai lebih lima juta. Kita tawar RM9.65 bilion, jika saham

Unit saham air itu merupakan penjeremahan dasar Kerajaan Selangor dan niat Abdul Khalid sebelum ini untuk memberitahu rakyat bahawa mereka memiliki kepentingan dalam industri tersebut.

"Rakyat Selangor

RM2,000 kali dengan lima juta, jumlahnya RM10 bilion.

"Selebihnya kita akan kumpulkan sehingga RM10 bilion untuk tampung pembayaran itu. Ia bukan dibayar oleh rakyat, tetapi Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri akan menguruskannya supaya dana akan dapat diapungkan seterusnya dimiliki rakyat Selangor," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Exco di Bangunan SUK, di sini.

lihat muka 2

lihat muka 2

Dari muka depan

## Perbincangan dengan syarikat konsesi lancar

Sebelum ini Kerajaan Negeri menawarkan RM9.65 bilion kepada empat syarikat konsesi bagi mengambil alih pengurusan industri air.

Empat syarikat tersebut adalah Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Puncak Niaga Sdn Bhd, Konsortium Abbas Sdn Bhd (Abbas) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holding (Splash).

Proses ambil alih tersebut adalah sebahagian daripada usaha Selangor untuk menstruktur semula industri air.

Mengulas lanjut berhubung tawaran air kepada syarikat konsesi, Abdul Khalid memaklumkan, tempoh 14 hari untuk tawaran air itu sudah tamat.

Setakat ini tiada penolakan daripada mana-mana syarikat konsesi.

"Saya ingin menyatakan perbincangan dengan syarikat konsesi mengenai tawaran rakyat Selangor itu berjalan dengan lancar dengan semua pihak.

"Dalam perbincangan itu terdapat beberapa usaha untuk mencari persetujuan sebelum perkara ini dikemukakan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Sehingga kini perbincangan masih diteruskan lagi.

"Kalau dulu Syabas dan Puncak Niaga tidak bersetuju untuk berbincang, kini mereka mahu berbincang dari masa ke semasa Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) akan mengumumkan hasil perbincangan.

"Saya akan buat pengumuman tentang perkembangan tawaran ini dalam tempoh dua minggu lagi," kata Abdul Khalid.

## Harap semuanya berjalan lancar

"Kita mendoakan agar konflik ini diselesaikan dengan segera dan kita mendoakan kesemua pasukan keselamatan kita pulang dengan selamat," kata Abdul Khalid.

Setakat ini lapan anggota keselamatan terkorban dalam operasi terhadap kumpulan bersenjata dari Selatan Filipina di beberapa tempat di Lahad Datu dan Semporna.

Dua anggota komando polis yang terkorban di pertempuran di Kampung Tanduo ialah Inspektor Zulkifli Mamat dan Koperal Sabarudin Daud.

Manakala yang terbunuh dalam serangan hendap Kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna ialah ASP Micheal Padel, Sarjan Baharin Hamid, Sarjan Abdul Aziz Sakirun, Koperal Salam Tugiran, Supt Ibrahim Lebar dan L/Kpl Mohd Azrul Tukiran.

# Catat RM49.75 bilion kekal destinasi pelaburan utama

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Sepanjang 2008 hingga 2012 Selangor berjaya mengekalkan prestasi negeri itu sebagai destinasi pelaburan utama negara ini dengan nilai pelaburan RM49.75 bilion.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Teresa Kok (*gambar*) berkata, sepanjang 2012, Selangor mencatatkan pelaburan seba-

**Negeri Selangor mencatatkan prestasi yang amat cemerlang di mana Selangor masih mendahului negeri-negeri lain dari segi bilangan projek yang diluluskan dan nilai pelaburan yang diterima**

**TERESA KOK**  
Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan

nyak RM11.7 bilion dengan 252 projek perkilangan diluluskan.

Jumlah itu 28.5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pelaburan negara. Ia juga adalah 31 peratus daripada keseluruhan projek yang diluluskan di Malaysia.

Pada 2012 juga, Selangor mencatatkan pertumbuhan pekerjaan yang terbesar di Malaysia, iaitu sebanyak 22,719 peluang pekerjaan atau 30 peratus daripada jumlah keseluruhan negara.

"Negeri Selangor mencatatkan prestasi yang amat cemerlang, di mana Selangor masih mendahului negeri-negeri lain dari segi bilangan projek yang diluluskan dan nilai pelaburan yang diterima," kata Teresa.

Ujar Teresa, dalam tempoh 2008 - 2012 juga, Selangor mencatatkan jumlah kelulusan projek perkilangan tertinggi, iaitu sebanyak 1,420 projek

dengan 123,067 potensi peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan.

"Dari jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM7.3 bilion (62 peratus) adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM4.4 bilion (38 peratus) daripada pelaburan asing," katanya dalam sidang media di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sejumlah 156 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM8.1 bilion dan sebanyak 96 projek merupakan projek pembesaran dengan nilai pelaburan berjumlah RM3.5 bilion.

Dari segi daerah, Petaling mencatat pelaburan tertinggi sebanyak RM4.3 bilion dengan 97 projek. Ini diikuti Hulu Langat sebanyak RM2.2 bilion dengan 6 projek dan Daerah Klang dengan nilai pelaburan RM1.7 bilion dengan 58 projek.



## REDHA KETENTUAN ALLAH...

Saadiah Mohd Amin, ibu kepada Allahyarham Lans Koperal Mohd Azrul Tukiran yang terkorban dalam pertempuran dengan penceroboh di Semporna, Sabah, hiba dan menerima surat takdir ketika dikunjungi Exco Kebajikan, Rodziah Ismail di rumahnya. Jenazah Mohd Azrul disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Rantau Panjang, Klang

# Yayasan Selangor cemerlang di bawah Pakatan

SHAH ALAM - Perkhidmatan Yayasan Selangor (YS) lebih cemerlang dan semakin diyakini di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) sepanjang 2008 hingga 2012.

Keadaan ini berbanding dengan tahun sebelumnya ketika diperintah Umno-BN, kata Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali (*gambar*).

Jelas Dr Halimah, dalam tempoh itu, YS menaja 3.5 kali ganda pelajar peringkat menengah berbanding pada 2007 yang hanya berjumlah 1,385 orang.

Katanya, bilangan pelajar dalam Program Rancangan Khas Pendidikan YS - RKPYS itu mula meningkat kepada 1,409 orang pada 2008, 1,554 orang pada 2009 dan melonjak kepada 3,288 orang pada 2012 dan akan ditingkatkan lagi kepada 5,000 orang pelajar pada 2013.

"Peningkatan ini menunjukkan YS berjaya memberikan perkhidmatan pendidikan kepada lebih ramai pelajar berbanding sebelum tahun 2008 dengan gandaan yang besar," katanya dalam sidang media selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Bangunan SUK, di sini.

Menurut Dr Halimah, lebih membanggakan pencapaian peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Bagi PMR dan SPM, pelajar mendapat keputusan 5A ke atas

menunjukkan peningkatan. Sebagai contoh, pada 2007 hanya 62.9 peratus dan meningkat kepada 80.8 peratus.

"Manakala SPM, pada 2007 hanya 32.8 peratus seterusnya melonjak naik kepada 66.1 peratus pada 2011," katanya.

Dalam pada itu, YS juga menambah peruntukkan biasiswa dari tahun ke tahun bermula tahun 2008.

Pada 2007, hanya 518 pelajar mendapat Biasiswa Kecil, 159 mendapat Biasiswa Khas dan 36 pelajar mendapat Dermasiswa.

Namun pada 2012, YS menawarkan 1,783 pelajar mendapat Biasiswa Kecil, 1,140 pelajar mendapat Biasiswa Khas dan 96 pelajar mendapat Derma-

siswa. Dr Halimah menambah, kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran YS lebih efisien kerana peningkatannya iaitu RM2.1 juta pada 2008 kepada RM2.2 juta pada 2009.

RM2.9 juta pada 2010 dan terus meningkat kepada RM3.8 juta pada tahun 2011 serta RM3.9 juta pada 2012.

"Ia membabitkan peningkatan sebanyak 186 peratus prestasi kutipan itu.


Malah, bilangan sekolah tajaannya juga meningkat daripada 27 buah pada 2007-2008 kepada 33 buah pada tahun 2009-2011 dan terus meningkat kepada 53 buah pada 2012 dan 63 buah pada tahun 2013," katanya.



Bilangan Sekolah Di Bawah Tajaan Yayasan Selangor Tahun 2007 - 2013



## KARTUN RAKYAT



# Rumah Mampu Milik keempat siap 2014

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Projek Rumah Mampu Milik (RMM) keempat yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dijangka siap pada Disember 2014.

Terletak di Desa Alam Seksyen U12, projek usahasama PKNS dan Debbin Sdn Bhd ini merupakan RMM keempat yang diusahakan Kerajaan Negeri selepas projek berkembar 1,422 unit di Bukit Botak Selayang, 124 unit pangsapuri di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi dan 129 unit rumah teres 1 1/2 tingkat di Antara Gapi Serendah.

"Projek ini menawarkan sejumlah 104 unit pangsapuri dengan keluasan setiap unit antara 750 hingga 850 kaki persegi.

"Dengan reka bentuk yang menarik, ia juga menawarkan suasana kondusif dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air.

"Seperti juga projek pangsapuri mampu milik PKNS di Bandar Baru Bangi, sebanyak empat unit akan disediakan untuk orang kelainan upaya (OKU)," kata Pengurus Besar PKNS, Othman Omar.

Othman berkata, projek-



Menteri Besar melihat model Rumah Mampu Milik ke-4

projek ini adalah sebahagian daripada perancangan 20 tahun PKNS untuk membina sebanyak 31,000 unit RMM di negeri ini.

"Pembinaan rumah mampu milik berkualiti ini dijangka akan menelan belanja subsidi lebih RM1.1 bilion," katanya.

Ujarnya, projek ini juga membuktikan yang Kerajaan Negeri dan PKNS juga prihatin dengan kehendak masyarakat bandar dan luar bandar.

Sementara itu, Menteri Besar,

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sehingga kini PKNS sudah dapat membina lebih daripada 100,000 unit rumah pangsapuri kos rendah.

Abdul Khalid berkata demikian ketika merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan rumah idaman PKNS-Debbin Sdn Bhd di Desa Alam, Seksyen U12 di sini.

Turut hadir dalam majlis itu Exco Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad.



**Apabila kita set radar, kita perlukan banyak sumber yang mana saya rasa tidak mencukupi untuk mengawal kawasan lebih besar**

**ABDUL GHAFIR**  
Mantan Leftenan Jeneral (B)

## Semak semula kawalan sempadan

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Mantan Leftenan Jeneral (B), Datuk Abdul Ghafir Abdul Hamid menggesa kerajaan menyemak semula peralatan dan modus operandi pasukan keselamatan agar lebih efektif dalam mengawal perempadanan negara supaya tidak mudah lagi diceroboh.

Meskipun pantai Sabah panjang, beliau percaya kecekapan anggota keselamatan mampu mengawal perairan dengan baik.

"Kita kena tahu pantai di kawasan Sabah memang panjang.

Peralatan dari segi radar misalnya boleh dikesan memandangkan banyak kapal melintasi secara sah dan tidak sah.

"Apabila kita set radar, kita perlukan banyak sumber yang mana saya rasa tidak mencukupi untuk mengawal kawasan lebih besar.

"Kita kena semak semula benda ini. Semak semula dari segi peralatan dan teknik operasi yang lebih efektif dengan peralatan yang kita ada," katanya ketika dihubungi.

"Ada kegagalan kawalan perairan pantai. Secara asas, kawalan perairan pantai ada-

lah tanggungjawab pasukan maritim.

"Memang kawasan itu luas, kita kena yakin. Walau macam manapun ada kegagalan dan boleh dibolosi orang (luar).

Dalam insiden di Lahad Datu dan Semporna, lapan anggota polis terkorban diserang kumpulan yang mendakwa pengikut 'Sultan Sulu'.

Kumpulan penceroboh itu berkampung di kawasan Lahad Datu selama lebih dua minggu bagi menuntut hakmilik kepada negeri Sabah yang mereka dakwa kepunyaan Kesultanan Sulu.

## Anwar saman Utusan, TV3 RM100 juta

PETALING JAYA - Utusan Melayu Malaysia Bhd (Utusan) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) digesa menarik balik dakwaan tidak berasas berkaitan pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.

Laporan Utusan dan TV3 menyebut Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi dalang dalam insiden tersebut dengan laporan muka bertajuk 'Ketua Pembangkang dikaitkan dengan Pencerobohan?' dan di muka surat 10 bertajuk 'Tiga Kumpulan Jadi Dalang'.



Laporan Utusan itu dilaporkan semula oleh TV3 di dalam siaran berita Buletin Utama pada 2 Mac lalu.

Peguam, N Surendran (**gambar**) berkata, jika Utusan dan

TV3 tidak memberikan sebarang respons dan meminta maaf, pihaknya akan memfailkan saman berjumlah RM100 juta masing-masing terhadap mereka.

"Ini adalah satu kenyataan yang tidak berasas, fitnah dan jahat.

"Kita menghantar surat kepada Utusan untuk menuntut menarik balik dakwaan itu dan membuat kenyataan maaf secara terbuka," kata Surendran dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

"Kita meminta tuduhan tidak berasas itu ditarik balik dengan segera dan TV3 juga perlu meminta maaf dan membayar ganti rugi kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim," tegas beliau.

Kata beliau, Anwar Ibrahim memandang serius tuduhan yang dilemparkan kerana ia merupakan serangan peribadi jahat dan percubaan untuk mengeluarkan fakta palsu kejadian pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu," kata Surendran.

## Henti berpolitik, tumpu jaga keselamatan rakyat



**TEGAS... Anwar ditemani pimpinan Pakatan Rakyat sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR**

PETALING JAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diminta memastikan keadulatan negara, keselamatan rakyat dan pasukan keselamatan diutamakan daripada bersikap tuduh-menuduh terutama terhadap pembangkang berhubung insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.

Kegagalan berbuat demikian merupakan satu pengkhianatan serta menodai amanah rakyat," kata Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Beliau turut menggesa isu pencerobohan bersenjata itu tidak dijadikan alasan untuk pemimpin negara saling tuduh-menuduh.

"Sewajarnya kepimpinan negara memberi tumpuan kepada isu keselamatan negara serta tidak mengalihkan pandangan rakyat dari kelemahan mereka.

"Justeru, Pakatan Rakyat (PR) mengingatkan pimpinan negara agar tidak alpa memastikan keselamatan setiap rakyat,

setiap inci tanah Sabah dan keselamatan rakyatnya wajib dipertahankan," kata Anwar dalam sidang media yang ditemani Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali.

Insiden pencerobohan sekumpulan bersenjata warga asing di sekitar Lahad Datu serta Semporna merupakan suatu kecuaihan yang tidak boleh dimaafkan. Malah setiap inci tanah Sabah dan keselamatan rakyatnya wajib dipertahankan.

Kenyataan tersebut turut menyebut bahawa PR merasa kesal dan kecewa dengan sikap kepimpinan negara yang tidak memamerkan kewibawaan dan iltizam dalam menyelesaikan masalah ini.

"Kita berdoa moga mereka kekal selamat dan bersemangat mempertahankan negara dan rakyat Malaysia daripada ancaman penceroboh," kata Anwar.

**Justeru, Pakatan Rakyat (PR) mengingatkan pimpinan negara agar tidak alpa memastikan keselamatan setiap rakyat, setiap inci tanah Sabah dan keselamatan rakyatnya wajib dipertahankan**

**ANWAR IBRAHIM**  
Ketua Pembangkang



*Sambutan*  
**TAHUN  
KERAJAAN  
SELANGOR**





# Maruah rakyat lebih tinggi di bawah Pakatan Rakyat

**P**ertambahan rizab simpanan negeri kepada RM2.5 bilion dengan perencanaan mengembalikan hasil negeri untuk rakyat adalah petunjuk jelas pembaharuan dan kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mentadbir negeri ini selama lima tahun. Melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) pula, rakyat dari pelbagai agama, kaum dan pangkat berpeluang berkongsi kekayaan negeri yang selama ini dibolot oleh kroni pemimpin Umno-BN.

Bagaimanapun semua ini tidak dapat dilaksanakan dengan mudah apabila terpaksa berdepan dengan persepsi masyarakat yang selama ini percaya hanya Umno-BN sahaja yang boleh mentadbir negeri ini dengan baik di samping kekangan-kekangan politik yang dicipta Kerajaan Pusat yang tidak sehaluan.

**Wartawan Selangor Kini, AFEEQA AFEERA** mewawancarai Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bagi berkongsi resepi kejayaan bagaimana beliau mengurus sebuah negeri yang terkaya di Malaysia ini.



## Ulang Tahun Kerajaan Pakatan Rakyat. Selepas lima tahun pentadbiran, apakah pencapaian Kerajaan Negeri?

Saya rasa perkara paling penting yang kita capai ialah berjaya menguruskan negeri Selangor dengan lebih telus dan memfokuskan kepada akauntabiliti untuk memastikan tahap kecekapan pentadbiran negeri berjalan dengan lebih baik.

Sebelum tahun 2008, Kerajaan Umno-BN seolah-olah tidak memberi tumpuan terhadap tiga perkara utama ini. Maka Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pendekatan ini dengan menterjemahkan semua perkara yang kita mahu lakukan dalam bentuk program yang dipanggil Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Misi kita melaksanakan program ini (MES) adalah untuk mensasarkan dan membantu golongan yang benar-benar layak serta memerlukan bantuan kebajikan.

**Tetapi masih ada aduan mengenai perkhidmatan awam seperti di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di mana permohonan lesen perniagaan mema-**

## kan masa terlalu lama sekiranya kita tidak kenal 'orang dalam'.

Itu petanda yang baik - ramai orang boleh buat aduan, seperti mengapa saya tidak mendapat kelulusan dalam masa 24 jam, mengapa saya perlu menunggu selama tiga bulan? Ini menunjukkan ketelusan - kita perlu bergerak ke langkah kedua, di mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab membantu mereka (penjawat awam) dan memastikan mereka boleh melakukan kerja yang baik.

Untuk menyelesaikan perkara ini kita cuba mencipta persekitaran akauntabiliti.

Jika kita mahu menukar persekitaran kerja di negeri kita, maka kita perlu tidak hanya berfikir memberi motivasi kepada mereka untuk bekerja, tetapi kita mesti menyiapkan diri mereka dengan teknologi dan perkhidmatan sokongan bagi memastikan kerja dapat dijalankan dengan lebih cekap.

Ini adalah satu contoh di mana negeri membawa perubahan yang ketara di bawah Pakatan Rakyat pada sejak 2008.

Perkara ini menjadikan Pihak Berkuasa Tempatan perlu sensitif terhadap se-

mua aduan. Sebelum 2008, mereka boleh mengatakan ia adalah rahsia negeri, maka tiada siapa yang boleh menilai keberkesanan mereka dan keikhlasan dalam melakukan kerja.

## Sejauh mana Tan Sri berpuas hati dengan prestasi penjawat awam?

Pertama, mereka sangat teruja dengan kejayaan negeri terutama dengan mengambil kira kos penjimatan kerajaan lakukan.

Mereka mempunyai penilaian yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Anda boleh mengatakan kita adalah yang terbaik antara yang terburuk, tetapi ia boleh digunakan untuk menjadi yang terbaik di kalangan yang lebih baik.

Penjawat awam di Selangor melaksanakan lebih baik daripada rakan mereka di negeri-negeri lain. Ia merupakan tanda yang baik dan apa yang saya lakukan ialah memperkenalkan profesionalisme ke penjawat awam - kita melantik Datuk Bandar Shah Alam dari kalangan orang-orang yang profesional, kita fikir kita juga harus melantik perancang dengan

kapasiti pentadbiran, ini adalah contoh perubahan yang kita buat.

Pada tahun 2007, jika anda mahu bertemu dengan Menteri Besar, anda akan menemui juga 20 orang yang menunggu untuk menemui MB. Apa yang berlaku hari ini? Tiada.

Kerana banyak rujukan dan sokongan daripada jabatan lain. Menunjukkan apa yang kita lakukan adalah pentadbiran negeri bersedia untuk semua orang.

## Harapan PR sekiranya diberi peluang memerintah untuk penggal kedua?

Kami amat berbangga untuk mengatakan lima tahun PR di Selangor, kita boleh melakukan lebih baik daripada 50 tahun pemerintahan Umno-BN. Kita bergerak ke arah yang lebih baik.

Tumpuan utama adalah untuk kembalikan hak rakyat. Pengurusan air sekarang adalah gagal oleh Kerajaan Umno-BN. Apa yang kita cuba lakukan adalah membetulkan kegagalan itu, jadi kami membawa kembali hak air kepada rakyat. Kemudian menterjemahkannya ke dalam perkhidmatan yang lebih baik, produk



yang lebih baik dalam jangka tarif yang lebih baik kepada rakyat.

Ia menunjukkan apabila kerajaan melakukan perkara yang salah, ia tidak mudah untuk membetulkannya. Dan ia melibatkan banyak wang.

Kami membuat perancangan bagaimana rakyat Selangor boleh memiliki saham dalam operasi air. Syarikat konsesi memberi petunjuk bahawa mereka akan mempertimbangkan tawaran kita. Ia menunjukkan Puncak Niaga menghormati visi rakyat Selangor.

Jika rakyat memilih PR, maka

kepada kerajaan tempatan.

**Kerajaan Negeri telah melakukan banyak usaha untuk mengambilalih industri air di Selangor. Bagaimana sekiranya Umno-BN mengambilalih Kerajaan Negeri pada pilihan raya akan datang dan mereka tidak teruskan usaha ini?**

Kenyataan itu salah kerana ini mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006(Akta 655), sesiapa pun mesti melaksanakan undang-undang ini. Saya percaya itulah sebabnya

bagus, itu terpulang pada dia, tetapi saya akan jawab balik.

Sejak 2008, pelbagai pihak mengapikan sentimen perkauman bagi mengurangkan sokongan komuniti Melayu kepada Kerajaan Negeri. Contohnya, dulu tentang isu kuota bumiputera di UiTM, kemudian demonstrasi kepala lembu, terbaru ini isu projek Datum Jelatek. Bagaimana Kerajaan Negeri tangani perkara ini?

Sentimen perkauman dalam negara demokrasi ada, tetapi

## 500 juta rizab negeri untuk rakyat

- 300 juta bina jambatan
- 50 juta RMM
- 50 juta mitigasi banjir
- 100 juta tingkat bekalan air



mereka akan mendapat air. Anda tidak boleh mengambil (hak ini) dari rakyat walaupun Umn-BN (kembali) memerintah Selangor.

Dalam pengurusan sampah, masih terdapat aduan walaupun ia diuruskan Alam Flora (dahulu). Sekarang aduan adalah kurang, terdapat aduan kerana kita menguruskan lebih daripada 300 kontraktor.

Kerajaan Negeri berjaya menguruskan kutipan sampah yang jauh lebih baik daripada Alam Flora. Kutipan sampah di pangsapuri, kita lakukan 5 hingga 6 hari seminggu yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Kita juga ada 'flying squad' (pasukan cepat bertindak) yang bertindak dengan pantas terhadap aduan.

Biasalah, orang yang sekarang tak dapat kontrak (kutipan sampah) akan merungut.

Kita melakukan kajian dan mendapati kurang daripada 2 peratus mempersoalkan langkah Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan kutipan sampah daripada Alam Flora.

98 peratus berpendapat kita lakukan lebih baik kerana mereka tahu di mana untuk merujuk jika berlaku sebarang masalah. Sekarang mereka boleh terus

rakyat Selangor mahukan perubahan bahawa dari segi pelaksanaan (janji-janji Selangor untuk perkhidmatan rakyat).

**Kerajaan Negeri buat pelbagai penerangan untuk maklumkan pada rakyat tentang air. Malah Umno-BN juga hari-hari, guna pendekatan sama, untuk menyatakan versi mereka tentang isu air ini. Sejauh mana Tan Sri rasa tindakan Kerajaan Negeri ini akan memberi kesan?**

Berkesan, semua rakyat bercakap mengenai air, rakyat boleh menilai, barulah syarikat konsesi itu mahu membincangkan untuk memulangkan air kepada rakyat.

Maknanya ada, tetapi kita mesti teruskan usaha ini supaya memberi penerangan kepada rakyat dengan betul. Pada saya rakyat sepatutnya menerima penerangan yang betul, lepas itu bila kita ambil alih air, kita akan tunjukkan apa beza di bawah Syabas dan apa baiknya di bawah kita.

Dahulunya cara kerajaan Umno-BN tidak galakkan perbincangan dan orang ramai tidak diberi penerangan. Saya telus, kalau Syabas fikir jawapannya

kumpulan mereka kecil, hanya segelintir.

Dari penelitian kita, kejayaan Kerajaan Negeri dalam mengimarahkan Islam dan tempat ibadat Islam, adalah sangat besar. Ada orang katakan lima tahun lalu, penggunaan masjid tidak sehebat yang ada sekarang. Sebagai contoh, aktiviti masjid negeri di Shah Alam penuh tiap-tiap hari.

Sebahagian besar daripada masyarakat Islam dan Melayu sangat berterima kasih kepada PR kerana membawa mereka kepada satu pembangunan era baru dalam pentadbiran negeri. Seperti Perkasa, mereka berpandangan ekstrem tetapi PR tidak terima, namun Umno-BN terima.

Hak milik tanah, kebanyakan orang yang mendapatnya ialah Melayu. Daripada 700 juta yang kita agihkan di bawah MES, lebih 60 peratus dapat disalurkan kepada masyarakat Melayu-Islam.

Tidak perlu kita mendabik dada bercakap pasal Dasar Ekonomi Baru, tetapi tidak sampai 30 peratus masyarakat Melayu menerimanya. Yang kita tidak cakap apa-apa (MES) pengagihannya lebih 60 peratus.

Kita bukan kumpulan yang bising tetapi kita kumpulan

yang melakukan tugas. Kumpulan bising hanya membuat bising tetapi ada juga rakyat tertarik kepada orang bising, tetapi segelintir sahaja.

**Di pilihanraya yang akan datang, Umno-BN akan memainkan mesej yang pernah dikeluarkan di Kelantan. Iaitu bila pentadbiran negeri dan persekutuan lain, banyak kepincangan berlaku. Mereka akan kata kesemua isu di Selangor seperti air, dan kutipan sampah adalah kerana negeri dan persekutuan tidak sehaluan. Bagaimana Tan Sri menjawab mesej ini?**

Berapa tahun Kelantan di bawah PAS? Maknanya masyarakat Kelantan dan Selangor tidak boleh dibohongi dengan alasan tersebut.

Masyarakat sekarang sudah bijak, mereka memilih wakil yang baik dan sesuai.

Kalau ditanya sama ada baiknya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sehaluan, jawapan kita juga betul ada baiknya. Tetapi kita mahukan Pakatan Rakyat menang di Putrajaya.

Kita rasa apabila PR menjaga negeri Selangor, maruah rakyat lebih tinggi daripada sebelumnya.

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir **PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afiz Redzuan: afizredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Helmy Dawi

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

# 90%

# Manifesto 2008 dilaksanakan

## SELESAI

Memastikan Exco dan Adun sentiasa bersih daripada penyelewengan sepanjang perkhidmatan. **Contoh:** Selcat (siasat perbelanjaan Adun)

Menubuhkan badan khas untuk menyalut segala penyelewengan yang berlaku berkaitan pentadbiran tanah dan sumber-sumber negeri. **Contoh:** Selcat, Enakmen FOI & SELESA, deklasifikasi dokumen OSA

Memberhentikan projek membazir yang merugikan dan tidak memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. **Contoh:** Tutup Balkis. Tender Terbuka. Penamatan Perkhidmatan Alam Flora

Memberi hadiah sebanyak RM1,000 seorang kepada setiap anak Selangor sebaik menerima tawaran kemasukan ke mana-mana institusi pengajian tinggi. **Contoh:** Setakat Disember 11, 24,541 penerima dengan kos RM23,733,028

Memberi bantuan atau biasiswa menurut merit kepada anak Selangor di semua peringkat pendidikan. **Contoh:** Biasiswa Yayasan Selangor

Membuka tabung permulaan bernilai RM100 bagi setiap kelahiran anak Selangor. **Contoh:** Setakat Disember 11, 29,249 penerima dengan kos RM2,924,900

Mencarumkan skim perlindungan insurans (takaful) warga emas, OKU dan anak yatim. **Contoh:** SMUE setakat Disember 11, 26,784 penerima dengan kos RM62,847,000



Memberi elaun ibu tunggal yang layak menurut tanggungan masing-masing. **Contoh:** Melalui Pejabat Exco YB Rodziah

Memberi cuti bergaji selama 90 hari bagi wanita bersalin (kakitangan kerajaan negeri). **Contoh:** Setakat Disember 11, 30 penerima

Memberi cuti selama 14 hari kepada suami (kakitangan kerajaan negeri) bagi menjaga isteri yang baru bersalin. **Contoh:** Setakat Disember 11, 1 penerima

Memberi cuti bergaji selama satu bulan bagi wanita (kakitangan kerajaan negeri) yang kematian suami

Membela kehidupan rakyat miskin terutama petani dan nelayan bagi memperoleh pendapatan minimum RM1,200 sebulan. **Contoh:** Program meningkatkan hasil padi. 55% petani 1-1.5k, 16% >1.5k

Menguatkuasa & memantau projek-projek pembangunan agar mematuhi syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan kejadian seperti tanah runtuh & banjir. **Contoh:** Studi cerun bukit. Pemasangan 414 CCTV di 12 PBT, RM117,2j

Mewujudkan Pusat Khidmat Seheniti bagi menangani kes-kes jenayah dan keganasan terhadap wanita. **Contoh:** Menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni selaras dengan Kempen Pangsapuriku Bersih, Ceria dan Harmoni



## DALAM PROSES



Memberi pendidikan pra-sekolah percuma kepada anak Selangor berusia 5-6 tahun. **Contoh:** Akan Datang: FASA III MES - Bantuan pra-sekolah - RM50 sebulan kepada kanak-kanak

Mengurangkan bebanan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke nurseri tanpa had bilangan dengan memberi subsidi antara RM50 - RM100 seorang. **Contoh:** Belanjawan Selangor 2012 - setiap keluarga yang berpendapatan RM1,000 sebulan akan diberi elaun penjagaan anak berjumlah RM1,000 setahun bagi setiap anak berusia 12 tahun ke bawah

Memberi elaun khas antara RM150-RM250 sebulan untuk wanita tanpa pekerjaan tetap yang memilih untuk menjadi suri rumah bagi menjaga anak-anak kecil mereka (di bawah 12 tahun). **Contoh:** FASA III MES - Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar). Skim Bantuan Tadika (TUNAS)

Memastikan setiap keluarga memiliki sebuah rumah dalam skim perumahan rakyat. **Contoh:** 11,001 unit (termasuk WIP - 124, 2011 - 1,982, 2012 - 3,898)

Memberikan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan dan pengangkutan awam percuma kepada semua warga emas berusia 65 tahun ke atas. **Contoh:** Skim Permeriksaan Mata Percuma bakal dilancarkan

Memudahkan dan mempercepatkan kelulusan dan pembaharuan lesen perniagaan. **Contoh:** Sistem online. Sistem LBLIS utk cepatkan urusan tanah

Mengurangkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10%. **Contoh:** Premium tanah RM1,000. Akan Datang: FASA V MES - Diskaun 20% untuk cukai pintu

Mengkaji semula sistem Rukun Tetangga untuk diganti dengan sistem baru yang lebih berkesan di bawah penyeliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). **Contoh:** Satu skim rondaan rukun tetangga akan dilaksanakan di seluruh negeri Selangor di bawah program kerajaan

## + Tambahan

Tiada dalam manifesto tapi dilaksanakan untuk kepentingan rakyat

Pemberian air percuma 20m<sup>3</sup>

Skim Mikro-Kredit (SkimSel & MimBar) 

Program Pendidikan - SPIES, GEMS, Tuisyen Rakyat

Tabung Anak Pekerja Ladang

Skim Perumahan Pekerja Ladang

Bantuan pengurusan bangunan, lif & pusat komuniti

## AKAN DILAKSANAKAN



Mewujudkan institusi untuk menyelaraskan hal-ehwal agama, selain agama Islam demi mewujudkan perpaduan dan persefahaman antara kaum dan agama



## STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) 2008 -2012

PROGRAM	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	60,352	6,035,200.00
Hadiah Anak Masuk Universiti	32,727	31,948,076.00
Skim Mesra Usia Emas	36,511	87,572,500.00
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	6,962	5,238,001.20
Bekalan Air Percuma Bagi 20m <sup>3</sup> Pertama	1,305,891	623,109,467.58
Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	6,973	42,150,050.00
Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	16,816	1,605,910.00
Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	5,553	11,154,500.00
Pusat Tuisyen Rakyat Selangor	18,170	12,350,825
Pusat Dialisis Rakyat	100	0.00
Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	157	81,100.00
Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	1,277	214,175.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,491,489</b>	<b>821,459,804.78</b>







# Skim TAWAS tabungannya masa depan anak-anak

SHAH ALAM - Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) adalah penyediaan perancangan terperinci oleh Kerajaan Negeri sebagai jaminan masa depan sebaik dilahirkan.

Menurut Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, ini satu usaha Kerajaan Negeri menjaga kebajikan rakyat bermula dari lahir hingga akhir hayat.

Ibu bapa boleh mendaftarkan anak-anak mereka secara online atau berhubung terus dengan agen yang diamanahkan seperti di pejabat Adun kawasan terdekat, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pakatan Rakyat (PR) berhampiran, Ketua Mukim, Ketua Kampung, Pengerusi Kampung dan Pejabat Daerah.

Sehingga Februari 2013 Kerajaan Negeri berjaya mencapai sasaran lebih 60,000 penyertaan rakyat Selangor dalam program ini.



PRIHATIN... Kerajaan Negeri sentiasa menjaga kebajikan anak-anak Selangor sejak dari awal kelahiran

## Pendapat ibu bapa

“Saya amat bersyukur dan terharu kerana kerajaan sentiasa berusaha membantu rakyat di negeri ini tanpa mengira keturunan mereka. Wang RM100 ini akan digunakan sebaik mungkin untuk membeli makanan dan baju baru sebagai hadiah kepada anak saya.



R Sakulthala, 42

“Sebagai rakyat Selangor, saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif ini dan gembira dengan ‘hadiah’ yang diterima anak saya daripada Menteri Besar ini. Saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat memerintah negeri ini dengan baik dan banyak lagi manfaat dapat diberikan kepada rakyat”.



Mohd Saifuddin Azlan, 35

## Bonus kepada peserta Tawas



KLANG - Peserta Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) layak menerima ‘Bonus Selangorku’ dalam bentuk baucer Jom Shopping bernilai RM100 seorang.

Menurut Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan, Rodziah Ismail, pemberian bonus ini berdasarkan tahun kelahiran peserta.

“Kini Tawas sedang mengagihkan manfaat tersebut kepada ahli yang lahir pada 2008 berjumlah 16,000 seperti diperuntukkan dan manfaat itu dibahagikan mengikut pecahan kaum.

“Program ini bersifat ‘one-off,’ iaitu pemberian diberikan berdasarkan tahun kelahiran keempat ahli Tawas yang diluluskan pendaftaran bagi 2008, 2009, 2010 dan 2011,” katanya.

Sebanyak RM7.5 juta diperuntukkan daripada Geran Selangorku untuk program terbabit.

Bagi fasa pertama, sejumlah RM1.6 juta diberikan kepada ahli-ahli Tawas yang lahir pada tahun 2008 yang diberikan mengikut bulan kelahiran.

Kerajaan Negeri juga bersetuju membuka semula pendaftaran bagi bayi yang lahir pada tahun 2008 supaya boleh mendaftar, seterusnya mendapat manfaat itu dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun bermula kini.

Sehingga Mac 2012, sebanyak RM3.47 juta dikreditkan ke dalam akaun ahli Tawas dan sehingga April 2012, pendaftaran yang dicatatkan sebanyak 76,528 ahli.

### Statistik Pendaftaran TAWAS sehingga 22 Febuari 2013

#### Status pendaftaran TAWAS

Jumlah Permohonan Yang Berdaftar	119,107
Lulus & Layak	100,447
Gagal	7,342
Pendaftaran Online	23,935
Pendaftaran Online (Belum Terima Dokumen)	5,718

#### Status pendaftaran TAWAS mengikut pecahan bangsa

Bangsa	Jumlah	Peratusan (%)
Melayu	73,338	62%
Cina	26,176	22%
India	16,535	14%
Lain-Lain	3,058	2%
Jumlah	119,107	100%



## Reaksi penerima RMM pertama



“Proses memohon Rumah Mampu Milik ini mudah dan tidak memerlukan karenah birokrasi seperti yang diamalkan Kerajaan Negeri terdahulu, reka bentuknya mengambil kira keperluan golongan OKU seperti saya, selain tandas yang luas dan unit yang terletak di aras bawah,” kata Razali, seorang warga kurang upaya (OKU) yang kini bergantung sepenuhnya kepada isteri yang bekerja sebagai peniaga

**Razali Adnan**



Am Pejabat di Putrajaya

“Kerajaan Negeri sekarang bagus kerana prihatin mengenai beban dan permasalahan yang ditanggung rakyat dan saya berharap usaha ini diteruskan dan diperluaskan pada masa akan datang,” kata Hazhari yang bekerja sebagai Pembantu

**Hazhari Ismail**

### Inisiatif lain

- Menurunkan sewa yang pernah dinaikkan oleh BN. Pengurangan ini bagi mereka berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan
- Penyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) tidak perlu bayar deposit secara sekali gus, deposit boleh dibayar secara ansuran.



Menteri Besar membantu Rajiah Omar, 73, menurunkan cap jari sebagai pengesahan menerima surat tawaran rumah Bukit Botak. Rajiah antara 961 peneroka asal Kampung Bukit Botak yang menunggu hampir 30 tahun untuk mendapat rumah yang dijanjikan kepada mereka oleh kerajaan terdahulu, yang mana akhirnya perumahan itu diambil alih dan dimajukan Kerajaan Negeri menerusi PKNS pada 2010

### Info Bukit Botak

- 1985, Umno-BN ambil tanah Bukit Botak beri kepada pemaju swasta untuk bina rumah. Sebagai ganti rugi, peneroka tersebut dijanjikan rumah tetapi gagal menunaikannya.
- 2008 apabila Pakatan Rakyat memerintah, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengambil alih projek tersebut.
- Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membina rumah berkembar pada harga RM 99,000 seunit.
- PKNS membelanjakan subsidi sebanyak RM 79.6 juta untuk projek berkenaan.

# Bantu rakyat miliki rumah

**SHAH ALAM** - Skim Rumah Mampu Milik (RMM) merupakan inisiatif membantu golongan berpendapatan rendah di Selangor memiliki kediaman sendiri.

Menurut Exco Perumahan Iskandar Abdul Samad, RMM Selangor menggunakan konsep baru dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS),

Kerajaan Negeri mensasarkan membina sejumlah 10,000 unit RMM ini.

Sejumlah 10,338 unit rumah kos rendah dalam proses pemuliharaan iaitu projek terbengkalai atau projek sakit. Sementara 8,579 unit rumah kos rendah diluluskan untuk dibina. Jumlah rumah kos rendah yang akan siap dibina adalah 22,234 unit.

## Projek Rumah Mampu Milik Negeri Selangor

Sudah Siap dan Dalam Pembinaan

Daerah	Projek	Nama Pemaju	Unit	Status
Gombak	Bukit Botak, Selayang	PKNS	1,422	Siap
Hulu Langat	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi	PKNS	124	Siap
Hulu Selangor	Antara Gapi	PKNS	129	Pecah Tanah 7 Februari 2012
Petaling	Seksyen U12, Shah Alam	PKNS (JV Debbin Sdn. Bhd.)	104	Pecah Tanah 5 Februari 2012
Hulu Langat	Sg. Long, Kajang	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	136	95 %
Jumlah			1,915	



TERSERGAM...Rumah Mampu Milik Sungai Long yang akan siap tidak lama lagi

# Lebih 10,000 rakyat terima hak milik tanah



SHAH ALAM - Sejak 2008 lebih 10,000 rakyat negeri Selangor menerima hak milik tanah sendiri daripada Kerajaan Negeri.

Pemberian hak milik tanah ini dikenali sebagai Skim Pemilikan Kediaman Sendiri.

Dasar ini juga membolehkan penduduk yang mempunyai lesen menduduki sementara (Tol) memohon hak milik kepada tanah yang diduduki dengan pembayaran premium serendah RM1,000.

Situasi ini berbeza pada era Umno-BN, di mana rakyat berkali-kali memohon hak milik tetapi tidak pernah diambil peduli.



Dahulu semasa pemerintahan BN, terlalu banyak kariah dan mesti menyokong BN, tetapi kini Kerajaan Negeri berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi setiap permohonan memiliki tanah sendiri yang diduduki selama puluhan tahun. Pada pilihan raya 2008, pengundi di Selangor memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir, jadi nasib rakyat mesti dibela

**TAN SRI ABDUL KHALID IBRAHIM**



## REAKSI ORANG RAMAI



“Saya pernah mohon hak milik pada zaman pentadbiran Umno-BN, tetapi menghampakan. Selepas 2008 barulah segala-galanya berubah dan akhirnya masalah ini dapat diselesaikan. Memang saya gembira dengan anugerah ini”



“Saya rasa bersyukur dan gembira selepas menunggu lebih 10 tahun dan kini akhirnya menjadi kenyataan.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang prihatin akan masalah ini serta meluluskan per-

mohonan saya.

Sebelum ini saya pernah memohon beberapa kali sejak 1999, tetapi gagal”

**Datuk Jefrydeen, 65, penyanyi**

**Che Nah Salleh, 60, pesara kerajaan**

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Prihatin dengan keselamatan pesakit, Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab Kementerian Kesihatan dalam menyediakan kemudahan asas sebuah klinik kesihatan di sini.

Klinik Kesihatan Padang Jawa dibina kira-kira 50 tahun itu berada dalam keadaan uzur dan daif, manakala kemudahan asas seperti peti ais untuk menyimpan ubat sudah tidak boleh digunakan lagi.

Selain itu, menurut Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi Dan Kebudayaan, Rodziah Ismail, pusat kesihatan ini perlu dibaiki segera kerana rakyat berhak menikmati kemudahan dan ke-selesaian semasa mendapatkan rawatan di klinik ini.

"Klinik ini merupakan satu-satunya klinik di kampung ini, pengunjungnya ramai wanita mengandung dan kanak-kanak.

"Ia kini sudah uzur, saya terima banyak aduan daripada Ketua Kampung dan kini saya lihat sendiri.

"Saya akan tulis surat kepada Kementerian Kesihatan supaya menaik taraf klinik ini supaya keadaannya lebih kondusif, walaupun berada di kampung, tetapi klinik ini di kawasan Bandaraya Shah Alam, jadi sampai masa ia patut di naik taraf," katanya ketika ditemui.

# Klinik kesihatan daif, Kerajaan Negeri hulur bantuan



Klinik kesihatan ini kelihatan uzur

tanya ketika ditemui.

Rodziah menambah, Kerajaan Negeri sedia berbincang dengan Kementerian Kesihatan sekiranya mahu membina sebuah klinik yang baru dan selesa.

"Sementara ini, saya cuba bantu mana yang termampu dalam ruang lingkup saya, cuma kalau membina bangunan baru, ia perlukan satu peruntukan khas," katanya.

Dalam lawatan itu, Rodziah turut memberi sumbangan berupa sebuah peti ais dan satu set komputer untuk kegunaan kakitangan klinik itu.

Tinjauan di klinik terbabit mendapati lantai dan dinding

klinik itu sudah usang, kemudahan tempat duduk yang disediakan di bahagian luar juga semakin uzur, selain tidak selesa dijadikan sebagai tempat menunggu kerana kawasannya terdedah kepada pancaran cahaya matahari.

Sementara itu, Ketua Kampung, Saian Asmari, 62, berkata, penduduk mahukan supaya sebuah klinik kesihatan yang lebih selesa dibina.

"Penduduk di kampung ini, ada sekurang-kurangnya 30,000 orang. Kalau boleh mahu klinik yang lebih selesa. Saya ucapkan terima kasih kepada YB Rodziah kerana prihatin dan sudi melawat masalah kami," katanya.



Rodziah memberi sumbangan peti ais bagi menggantikan peti ais yang rosak



Ruang menunggu yang panas

## Semua kaum rasai peruntukan

KUALA LANGAT - Penduduk Melayu, Cina dan India di kawasan Teluk Datuk di sini telah menikmati peruntukan sebanyak RM500 ribu setahun yang diagihkan secara adil dan saksama oleh Adun mereka sepanjang lima tahun perkhidmatannya.

Setiap tahun kata Adun Teluk Datuk, Philip Tan Choon Swee, beliau membelanjakan RM100 ribu untuk setiap komuniti di kawasannya. Perbelanjaan itu melibatkan projek memperbaiki rumah dan sumbangan ke rumah ibadat komuniti India dan Cina.

Manakala RM200 ribu dibelanjakan dalam aktiviti yang melibatkan semua kaum seperti sumbangan ke PIBG dan membeli peralatan murid. Jumlah ini juga digunakan untuk memperbaiki infrastruktur seperti jalan raya dan parit.

Philip memberi penjelasan tersebut sebagai respons kepada



Philip, dalam sidang media bagi menjawab tohmahan terhadapnya

da bekas Ketua Komuniti India Teluk Datuk, John Paramasivam Veerasamy yang menuduhnya tidak menggunakan peruntukan Adun untuk kaum India di kawasannya.

"Saya ada 'figure-figure', tunjukkan apa yang dia kata saya 'racist'.

"Selain daripada saya menjaga kaum Cina, saya juga jaga India dan kaum Melayu, saya bukan cakap saja," tegasnya dalam satu sidang media di pejabatnya, baru-baru ini.

"Lebih 20 rumah sudah siap dan ada tujuh rumah lagi yang saya beri bahan dan mereka

### Peruntukan RM500 Ribu DUN Teluk Datuk

Melayu	RM100 Ribu	Surau, rumah
India	RM100 Ribu	Kuil, majlis perayaan
Cina	RM100 Ribu	Tokong, majlis perayaan
Semua Kaum	Rm100 Ribu	Beli beg sekolah, hari sukan sekolah, Jalan raya, parit, PIBG

buat sendiri," katanya lagi.

Manakala majoriti peruntukan RM100 ribu untuk kaum India dan Cina disumbangkan ke rumah ibadat dan majlis perayaan kaum tersebut.

Baru-baru ini, John Paramasivam bersama-sama Kumarayah Ponnayah dan Saravanan Kaliannan, mengadakan sidang media pada 27 Februari lalu dan menuduh Philip tidak menjaga komuniti India dan Melayu, selain hanya mementingkan komuniti Cina sahaja.

Sementara itu, Ketua Komuniti Kaum India Teluk Datuk, Muniandy Manirasu, berkata,

Philip sentiasa prihatin terhadap rakyat di kawasannya dan menafikan dakwaan bahawa kaum India di kawasan itu dianaktirikan.

"YB telah membelanjakan ratusan ribu sejak lima tahun ini untuk kaum India dan tuduhan yang dibuat oleh John Paramasivam adalah sangat tidak berasas," katanya ketika ditemui.

Ahli Majlis Zon 19 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Yap Lai Keng, pula menyatakan Philip seorang Adun yang bertanggungjawab kerana sentiasa turut serta dalam setiap program yang dianjurkannya.



Peserta kursus memenuhi dewan Masjid Negeri Kiri: Menteri Besar membaca cenderahati yang diterima daripada Jais

# Sediakan WiFi di setiap masjid

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan memperlengkapkan setiap masjid di negeri ini dengan perkhidmatan WiFi bagi memudahkan komunikasi secara online.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, setakat ini Selangor mempunyai hampir 400 masjid dan penyediaan WiFi sedikit sebanyak mengimarahkan program yang dijalankan.

"Kita akan sediakan kemudahan itu secara berperingkat kerana ia secara tidak langsung memudahkan cara berkomunikasi antara masjid-masjid di negeri ini. Dengan ini, komunikasi yang lebih interaktif dapat diadakan dengan meluas.

"Seperti program hari ini, nama mereka boleh direkodkan dan menerusi online kita boleh jemput mereka hadir ke program yang bakal dilaksana-

kan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Wanita Masjid di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Seminar yang julung-julung kali diadakan itu, mendapat sambutan ramai dan dihadiri kira-kira 2000 peserta.

"Ini antara usaha perintis kita untuk memupuk semangat cintakan masjid di kalangan wanita, seterusnya menjadikan mereka lebih berminat dan yakin untuk beribadat di masjid.

"Di samping itu, kita juga berharap agar usaha ini dapat menyemai budaya cintakan ilmu dan maklumat di kalangan mereka, seterusnya membina asas kepimpinan wanita yang proaktif di masjid," ujar Abdul Khalid.

Hadir sama ialah isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Marzuki Hussin serta Timbalan Exco Hal Ehwal Islam, Dr Abdul Rani Osman.

SIAP 95%

Teres dua tingkat

Saiz lot : 22' x 65'

Binaan Kasar : 2,078 kps

14 unit sahaja.

Harga Bumiputera

RM448,800

ke atas

SURI A

Pelaburan Berbaloi Lagi Menguntungkan!

Anda pasti tidak sabar ingin memiliki kediaman sendiri. Bandar Sungai Long kini menawarkan Suria Homes yang pasti sukar dilepaskan. Rumah teres direka khusus dengan ruang maksimum yang sangat sesuai didiami buat penghuni kota masakini. Datanglah ke Bandar Sungai Long hari ini dan anda lihatlah sendiri kediaman hebat yang mampu dimiliki ini.

**SUKMA PESONA SDN BHD**  
(243236 - V)  
15th floor, Wisma Sin Heap Lee  
346, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2163 7766

**Pejabat Jualan: 03-9076 2233**

+ No. Lesen Pemaju : 7052-3/07-2016/855 • Tempoh sah: 11/07/2011 hingga 10/07/2016 • Permit Jualan & Pengiklanan : 7052 - 3/1764/2013(07) • Tempoh sah: 23/07/12 hingga 22/07/13 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan & no. rujukan : Majlis Perbandaran Kajang MPKJ 6/P/07/2010 • Tarikh jangka siap : Mac 2013 • Bebanan: Tiada • Hak Milik : Pajak 99 tahun (tamat tempoh 20/7/2110) • Jumlah Unit : 14 • Harga Bumiputera: RM 448,800 hingga RM 458,800 • Sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digada atau dipindah milik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa Negeri.

# Pelajar PTRS 2013 azam cemerlang dalam SPM

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Peluang tuisyen percuma yang disediakan Kerajaan Negeri tidak akan disia-siakan, bahkan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk berjaya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Itulah azam, Syahmi Anis Shamsuddin, 17, yang terpilih tahun ini untuk menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) bersama 2,270 pelajar lain di seluruh Selangor.

Katanya, beliau ingin berjaya sehingga melanjutkan pengajian ke peringkat universiti dan seterusnya membalas jasa ibu bapanya.

"Saya bukanlah daripada kategori pelajar yang pandai.

"Tapi bila dapat peluang seperti ini, saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk masuk universiti dan bantu mak ayah saya suatu hari nanti," katanya yang bersekolah di SMK Bandar Banting.

Ahmad Yusri Zainuridin, 17, pula turut bersemangat dan berazam untuk menggunakan peluang PTRS ini untuk mendapatkan keputusan cemerlang pada SPM kelak.

"Tuisyen seperti ini bagus, kerana selain percuma, ia turut mendapat tunjuk ajar daripada cikgu-cikgu yang berpengalaman," katanya ketika ditemui.

Syahmi dan Ahmad Yusri ditemui ketika menghadiri Majlis Perlancongan PTRS bagi tahun 2013 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan



Sebahagian daripada pelajar yang mengikuti Program PTRS

Negeri (SUK), baru-baru ini

Majlis dirasmikan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali dan dihadiri pelajar-pelajar yang menyertai PTRS bagi tahun ini.

Dr Halimah dalam ucapannya berkata, PTRS adalah untuk membantu ibu bapa yang menginginkan anak-anak mereka berjaya dalam SPM, tetapi tidak mampu membayar tuisyen.

Justeru, Dr Halimah berkata, objektif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program ini adalah untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dan memperbaiki sahsiah atau akhlak pelajar.

Sejak dilancarkan pada 2009, PTRS berjaya membantu hampir 20,000 ribu pelajar di seluruh Selangor dengan peruntukan sebanyak RM17.25 juta sepanjang empat tahun



Syahmi Anis



Ahmad Yusri

dari muka belakang

## SPR tidak endah gesaan Kerajaan Negeri

Beliau berkata demikian dalam pembentangnya di Persidangan Antarabangsa Pilihan Raya Ke-13 di sini, yang diadakan di Kuala Lumpur baru-arun ini.

Laporan sama turut menunjukkan sehingga suku tahun ke empat 2012, terdapat 497,084 pemilih baru di Selangor dari jumlah 1,924,281 pemilih berdaftar.

Daripada 497,084 pemilih baru yang telah disemak itu pula, 134,675 atau 27 peratus daripadanya tidak dapat dikenal pasti.

Pertambahan pengundi yang

tidak dikenali ini berlaku secara ketara di DUN dalam kawasan bandar seperti Seri Serdang (Puchong), Subang Jaya, Hulu Klang, Taman Medan (Petaling Jaya) dan Sri Muda (Shah Alam).

Mengikut Projek Pendemo-krasian Selangor, kawasan-kawasan tersebut mempunyai antara 9,000 - 4,000 pengundi yang tidak dapat dikenal pasti.

Menurut Abdul Khalid, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mengendahkan gesaan daripada Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti lebih 134,000 pengundi yang diragui itu.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
8 - 15 MAC							
25 RABIULAKHIR - 3 JAMADILAWAL 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
8 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:39	7:28	8:37
9 Sabtu	5:56	6:06	7:22	1:27	4:38	7:28	8:37
10 Ahad	5:56	6:06	7:22	1:26	4:37	7:28	8:37
11 Isnin	5:56	6:06	7:22	1:26	4:37	7:27	8:36
12 Selasa	5:55	6:05	7:21	1:26	4:36	7:27	8:36
13 Rabu	5:55	6:05	7:21	1:26	4:35	7:27	8:36
14 Khamis	5:55	6:05	7:21	1:25	4:34	7:27	8:36
15 Jumaat	5:54	6:04	7:20	1:25	4:34	7:27	8:36
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
8 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
9 Sabtu	5:58	6:08	7:24	1:29	4:40	7:30	8:39
10 Ahad	5:58	6:08	7:24	1:28	4:40	7:30	8:39
11 Isnin	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:29	8:38
12 Selasa	5:57	6:07	7:23	1:28	4:38	7:29	8:38
13 Rabu	5:57	6:07	7:23	1:28	4:37	7:29	8:38
14 Khamis	5:57	6:07	7:23	1:27	4:36	7:29	8:38
15 Jumaat	5:56	6:06	7:22	1:27	4:36	7:29	8:38



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	MEREKABENTUK, MEMBINA, MENYIAPKAN DAN MENGUJITERIMA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK CADANGAN BANGUNAN PEJABAT JKR DAERAH SEPANG, DI DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	T1	PKK Kelas : A Kepala : II Sub Kepala: 2a  Dan (CIDB)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Selangor Shah Alam.  Pada 24/05/2012 (Khamis) hingga 06/06/2012 (Rabu).  Waktu Urusiaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tgh. 2.00ptg-4.00ptg  Jumaat: 8.00pg-11.00tgh. 2.45ptg- 4.00ptg	RM850.00 (Money Order/ Bank Deraf)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tkt. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 04/07/2012 (Rabu) Sebelum/Pada Jam 12.00 tgh.  Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak adalah di WAJIBKAN pada 23/05/2012 (Rabu) jam 10.00 pagi JKR Sepang. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan JKR Daerah Sepang di talian 03-87061040/1522 atau Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor di talian 03-55447755

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat di Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor bermula 24/05/2012 (Khamis).

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN ATAU KAD PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/ KEMENTERIAN KEWANGAN dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat di dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draft/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja.\*

### \* Jenis Syarikat Tempatan

- T1 - Syarikat 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan pekerja adalah 100% warganegara.
- A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

### \*\* Pembiayaan

- (i) Pinjaman Bank Dunia  
Tender adalah juga dibuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China
- (ii) Bank Pembangunan Asia  
Tender adalah terbuka kepada petender-petender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia

Projek Pendemokrasian bongkar

## Pengundi lebih ramai daripada penduduk

Oleh NAZLI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR** - Projek Pendemokrasian Selangor mendapati ada kawasan DUN yang mana jumlah pengundi lebih ramai daripada penduduk setempat.

Situasi ini sekaligus menguatkan dakwaan terdapat keraguan di dalam daftar pemilih yang akan digunakan di dalam pilihan raya akan datang.

Sebelum ini, projek yang sama mendedahkan terdapat 134,000 pengundi yang tidak dapat dikenal pasti di Selangor di dalam daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Semakan Kerajaan Negeri di Bestari Jaya Utara, di kawasan DUN Ijok contohnya, mendapati ia mempunyai penduduk seramai 1,788 pada tahun 2010.

Akan tetapi, dalam daftar pemilih suku tahun ke empat 2012, kawasan itu mempunyai pengundi seramai 3,589 orang.

Keraguan itu kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, didedahkan melalui kajian terperinci penambahan pengundi baru di kawasan Ijok.

“Kerajaan Negeri mengambil berat hak demokrasi rakyat negeri ini sebab itulah Kerajaan Negeri mengambil langkah mengenal pasti pengundi di Selangor bagi memastikan hak rakyat menentukan kerajaan,” kata Abdul Khalid.

Lihat muka 15



**REZEKI ANAK...** Norizan Yassin, 50, dari Kuala Selangor ditemani anak-anak membeli barangan dalam program 'Jom Shopping' di Pasaraya Econsave, Alam Megah. Kira-kira 80 orang ibu tunggal daripada DUN Ijok dibawa membeli barang keperluan ditemani sendiri Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Setiap mereka menerima baucer membeli-belah bernilai RM100.

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>

<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>

<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO